

PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld. 2(34)
Tarikh : 01 September 2020

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 9 TAHUN 2020**

**PELAKSANAAN PENTAKSIRAN KEMASUKAN SEKOLAH KHUSUS
KE TINGKATAN SATU DAN TINGKATAN EMPAT BAGI SESI PERSEKOLAHAN
TAHUN 2021**

Surat siaran ini bertujuan untuk memaklumkan tentang Pelaksanaan Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) ke Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat bagi Sesi Persekolahan Tahun 2021.

2. Susulan pengumuman YB Menteri Kanan Pendidikan mengenai pembatalan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) pada 15 April 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan satu kaedah baharu bagi pemilihan murid untuk kemasukan ke sekolah khusus, iaitu Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan Kolej Vokasional (KV) serta Maktab Tentera Diraja (MTD).

3. Mesyuarat Pasca Kabinet KPM bertarikh 22 Mei 2020 telah memutuskan perkara seperti yang berikut :

- (i) sistem permohonan dalam talian bagi kemasukan murid ke sekolah khusus dibangunkan secara *single entry point*; dan
- (ii) kaedah baharu pentaksiran standard secara berpusat digunakan untuk kemasukan murid ke sekolah khusus.

4. Sekolah khusus yang akan menggunakan mekanisme seperti perenggan 3(i) dan 3(ii) merangkumi SBP, SMKA, SMT dan KV bawah pengurusan KPM serta MTD bawah pengurusan Kementerian Pertahanan Malaysia.


Sila catatkan rujukan Pejabat ini apabila berhubung

5. Bagi memastikan semua murid berpeluang menduduki PKSK, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan untuk membantu murid yang ingin membuat permohonan PKSK, terutamanya dari kawasan pedalaman, luar bandar dan kawasan yang kurang kemudahan capaian Internet.
6. Bersama-sama dengan surat siaran ini disertakan Garis Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus ke Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat bagi Sesi Persekolahan Tahun 2021 untuk makluman dan tindakan YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan. Garis panduan ini juga boleh dimuat turun daripada laman sesawang KPM, www.moe.gov.my.
7. Surat siaran ini **berkuat kuasa** serta-merta mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.
8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dimohon mengambil tindakan untuk memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



HAJI ADZMAN BIN TALIB


Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia

3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PENTAKSIRAN KEMASUKAN SEKOLAH KHUSUS
KE TINGKATAN SATU DAN TINGKATAN EMPAT BAGI SESI
PERSEKOLAHAN TAHUN 2021**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN KEMASUKAN SEKOLAH KHUSUS KE TINGKATAN SATU DAN TINGKATAN EMPAT BAGI SESI PERSEKOLAHAN TAHUN 2021

LATAR BELAKANG

1. Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) merupakan satu mekanisme saringan pemilihan murid bagi memastikan murid yang dipilih memenuhi kriteria kemasukan ke sekolah khusus iaitu Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan Kolej Vokasional (KV) serta Maktab Tentera Diraja (MTD).

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN

2. Pentaksiran ini mengandungi tiga komponen, iaitu:

(i) **Kecerdasan Insaniah**

Elemen kecerdasan emosi, kecerdasan rohani dan kecerdasan kemahiran insaniah digunakan untuk mengenal pasti karakter murid;

(ii) **Kecerdasan Intelek**

Elemen kecerdasan intelektual, pengetahuan am dan penyelesaian masalah digunakan untuk mengukur tahap kognitif murid; dan

(iii) **Artikulasi Penulisan**

Elemen ini adalah untuk mengenal pasti percambahan idea, tahap kreativiti, hujahan serta kecenderungan murid dalam sesuatu bidang.

3. Pentaksiran ini dilaksanakan secara berpusat. Calon akan dinilai secara dalam talian bagi komponen kecerdasan insaniah dan kecerdasan intelek manakala komponen artikulasi penulisan akan dinilai secara bertulis.

4. Tarikh permohonan dalam talian, semakan pusat pentaksiran dan pelaksanaan pentaksiran adalah seperti jadual yang berikut:

PERKARA	TINGKATAN SATU	TINGKATAN EMPAT
Memohon dalam talian	7 September hingga 2 Oktober 2020	7 September hingga 2 Oktober 2020
Menyemak pusat pentaksiran	7 hingga 23 Oktober 2020	12 Oktober hingga 6 November 2020
Menduduki pentaksiran	12 hingga 23 Oktober 2020	26 Oktober hingga 6 November 2020

KEMASUKAN KE SEKOLAH KHUSUS TAHUN 2021

Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat

5. Permohonan kemasukan ke Tingkatan Satu bagi SBP dan SMKA adalah secara dalam talian melalui pautan <https://spskt1.moe.gov.my>.
6. Permohonan kemasukan ke Tingkatan Empat bagi SBP, SMKA, SMT dan Tahun Satu Sijil Vokasional Malaysia (1SVM) KV serta MTD adalah secara dalam talian melalui pautan <https://spskt4.moe.gov.my>.
7. Sekolah perlu memastikan data calon dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) telah dikemaskini sebelum tarikh permohonan kemasukan dibuka.
8. Tarikh semakan keputusan permohonan, pendaftaran dan rayuan adalah seperti jadual yang berikut:

PERKARA	TINGKATAN SATU	TINGKATAN EMPAT/ TAHUN 1SVM
Menyemak keputusan permohonan	15 Januari 2021	5 Februari 2021
Mendaftar masuk ke sekolah khusus	16 Februari 2021	23 Februari 2021
Membuat rayuan	15 hingga 29 Januari 2021	5 hingga 19 Februari 2021

9. Pemohon akan hanya menerima **SATU** tawaran ke sekolah khusus yang ditetapkan. Keputusan adalah muktamad.